

**Ahli PKR mohon maaf gelar Dr. Mahathir 'Firaun'**

**Utusan Online**

**14 APRIL 2013**

KUALA LUMPUR 13 April - Menjelang hari pengundian Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Parti Keadilan Rakyat (PKR) Parlimen Lembah Pantai yang diketuai naib presiden parti itu, Nurul Izzah Anwar menerima tamparan hebat apabila seramai 210 ahli mengisytiharkan keluar parti hari ini.

Tindakan itu diketuai oleh pencadang Nurul Izzah sendiri semasa penamaan calon pada Pilihan Raya Umum 2008, Norleha Ghani dan Ketua Wanita PKR Cawangan Taman Bukit Angkasa, Rossimah Abu Bakar.

Norleha yang mendakwa berjuang bersama PKR sezaman dengan bekas pengasas parti itu, Ng Lum Yong berkata, keputusan meninggalkan parti tersebut dibuat kerana sudah tidak yakin dengan perjuangan PKR selain kecewa dengan Nurul Izzah.

Malah dakwanya, orang seperti beliau dianggap PKR kawasan tersebut tidak diperlukan lagi kerana dikatakan ketinggalan zaman.

"Beliau (Nurul Izzah) tidak tahu bagaimana kami meninggalkan suami dan anak-anak di rumah semata-mata untuk membantunya semasa berkempen (2008). Kami bekerja kuat, malah menganggapnya seperti anak kami sendiri.

"Kami bukannya menagih jawatan, tetapi kesal kerana selepas beliau menang, kami dilupakan. Janji-janji yang dibuat kepada pengundi-pengundi tidak ditunaikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mengisytiharkan keluar PKR dan akan mengundi Barisan Nasional (BN) di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, di sini.

Turut hadir Naib Pengerusi Perhubungan Negeri Gerakan Wilayah Persekutuan, Datuk K. Sabaratnam dan Ketua Cawangan UMNO Kawasan D Keretapi Tanah Melayu (KTM), Abd. Ghani Abd. Manaf.

Norleha yang dikenali sebagai 'otai', dalam kalangan ahli PKR mendakwa, sepanjang lima tahun menjadi Ahli Parlimen Lembah Pantai, hanya akhir-akhir ini Nurul Izzah dilihat berjumpa dengan rakyat.

Malah, dalam tempoh itu, Noleha mendapati Nurul Izzah tidak memberi apa-apa sumbangan langsung kepada kawasan yang dimenangnya itu.

"Nurul Izzah tidak buat kerja dan tidak tahu buat kerja. Sebaliknya saya lihat, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin yang banyak berbakti kepada penduduk di sini.

"Beliau (Raja Nong Chik) tidak banyak bercakap tetapi kuat bekerja. Kalau Nurul Izzah, pandai bercakap sana-sini tetapi satu kerja pun tidak buat," katanya.

Dalam pada itu, Norleha dengan nada sebak memohon maaf kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana pernah menggelar bekas Perdana Menteri itu sebagai 'Firaun'.

"Saya sebenarnya terikut-ikut dengan ahli-ahli PKR lain selepas kami ditiupkan api kebencian terhadap Dr. Mahathir yang 'memenjarakan' Anwar pada 1999," ujarnya.

Beliau berkata, penyokong-penyokong pakatan pembangkang khususnya PKR perlu mengambil langkah sama untuk keluar parti dan mengundi BN pada Pilihan Raya Umum nanti.

"Hanya BN yang boleh membela nasib rakyat. Kita harus memberi peluang kepada Datuk Seri Najib Tun Razak untuk terus membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130414/px\\_20/Ahli-PKR-mohon-maaf-gelar-Dr-Mahathir-Firaun#ixzz2a01LR92e](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_20/Ahli-PKR-mohon-maaf-gelar-Dr-Mahathir-Firaun#ixzz2a01LR92e)

© Utusan Melayu (M) Bhd